

1,469 graduan USIM terima ijazah

NILAI - Seramai 1,469 graduan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen ke-11 universiti itu yang berlangsung di Stadium Tertutup Nilai di sini semalam.

Mereka membabitkan seramai 1,291 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 178 graduan siswazah yang terdiri daripada penerima Diploma Siswazah, Doktor Falsafah serta Sarjana.

Canselor USIM, Tuanku Ampuan Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud menyempurnakan majlis konvokesyen tersebut.

Turut hadir Pro Canselor USIM, Tunku Ali Redhaudin ibni Tuanku Muhriz

dan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail.

Pada majlis itu, Anis Farhan Muhammad Ali, 24, lulusan Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan kepujian dipilih menerima Anugerah Canselor dan Mohd. Nizwan Musling, 25, menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang).

Graduan lain yang menerima anugerah ialah Muhammad Zaim Razak, 23, lulusan Ijazah Sarjana Muda Matematik Kewangan menerima Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang) dan Muhammad Hidayat Yahaya, 23, lulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan kepujian pula menerima Pingat Emas Naib Canselor.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية Malaysia



ANIS FARHAN (kiri) bersama Muhammad Zaim (dua dari kanan), Mohd. Nizwan (dua dari kiri) dan Muhammad Hidayat menunjukkan anugerah yang mereka terima pada Majlis Konvokesyen ke-11 USIM di Nilai, Negeri Sembilan semalam.